

24 AUG 1998

Mahathir-Kembara

PENGELUARAN KERETA PACUAN EMPAT RODA BUKTI KEUPAYAAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengeluaran kereta pacuan empat roda nasional yang pertama membuktikan tanggapan pihak asing bahawa Malaysia mengalami kegawatan ekonomi yang begitu tenat adalah tidak tepat.

Katanya dalam keadaan dunia berpendapat bahawa Malaysia mengalami keadaan ekonomi yang cukup tenat dan hampir tersungkur serta perlu meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Malaysia membuktikan ia masih berdaya mengeluarkan sebuah kereta nasional yang baru.

"Tentulah ada sesuatu yang tidak kena dengan tanggapan mereka terhadap Malaysia berkaitan masalah ekonomi kita," katanya semasa berucap melancarkan kereta Perodua Kembara keluaran Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) hari ini. Beliau turut melancarkan logo korporat syarikat berkenaan pada majlis di Pusat Dagangan Dunia Putra itu.

Beliau berkata memang benar ada syarikat di negara ini yang menghadapi masalah berikutan kegawatan ekonomi tetapi rakyat umumnya tidak sebegitu teruk merasa kesannya.

Katanya, ekonomi Malaysia tidaklah begitu teruk sangat seperti yang didakwa orang asing.

Katanya beliau difahamkan sebanyak 475 unit Perodua Kembara sudah ditempah walaupun ia belum dijual di pasaran.

Dr Mahathir berkata orang luar terutamanya media asing mendakwa kononnya tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan untuk memulihkan ekonomi negara ini.

"Wartawan asing nampaknya tahu bagaimana untuk mentadbir sesebuah negara lebih baik daripada mana-mana kerajaan di dunia ini. Agak pelik juga mereka masih lagi menjadi wartawan...mereka seharusnya menjadi menteri, perdana menteri atau kerajaan (untuk mentadbir sesebuah negara)" katanya.

Sambil menyamakan wartawan asing ini seperti penonton, Dr Mahathir berkata pemain tidak seharusnya bertindak mengikut kehendak penonton.

"Kami ibarat pemain. Kami terlibat mentadbir negara ini dan apa saja yang kami fikir kami boleh buat, kami pasti akan melakukannya sendiri dan untuk kepentingan kami," katanya.

Dr Mahathir yakin Perodua Kembara akan mendapat sambutan baik daripada masyarakat.

Katanya, Kembara merupakan kereta pacuan empat roda yang termurah sekali berbanding dengan kereta pacuan empat roda yang lain.

Beliau berkata bentuk Kembara juga lebih aerodinamik bukannya seperti kereta pacuan empat roda cara lama yang kelihatan seperti kotak.

Dr Mahathir yang turut melancarkan logo korporat baru Perodua berharap setiap pekerja dan pengurusan Perodua akan lebih agresif dan bersungguh-sungguh menerokai peluang baru.

Katanya, kerajaan akan cuba mengeksport Kembara untuk meningkatkan pengaliran masuk wang.

Beliau berkata kerajaan menerima banyak pertanyaan daripada kerajaan asing untuk membeli kereta Kancil, produk pertama Perodua.

Kancil dengan harga yang berpatutan kini merupakan kedua terbanyak di jalan raya di Malaysia.

Dr Mahathir berkata usaha Perodua mengembangkannya bukan sahaja akan menjadikan Perodua sebagai syarikat kereta yang berdaya maju tetapi juga meningkatkan ekonomi negara.

Beliau kemudiannya melepaskan konvoi 10 unit Perodua Kembara untuk

perarakan sambutan Hari Kemerdekaan di Pulau Pinang Isnin ini.

Dr Mahathir kemudian beredar pulang dengan menaiki Perodua Kembara bernombor pendaftaran WGN 2020. Perodua Kembara itu ialah yang pertama didaftarkan.

--BERNAMA
HS NMO MAI